

13 NOV 2002

Taib-SPDP (Bergambar)/I

BN NEGERI AKAN ADAKAN MESYUARAT UNTUK TERIMA SPDP

KUCHING, 13 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini berkata Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) negeri akan bermesyuarat pada minggu depan untuk menerima Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) menganggotai perikatan itu.

"Saya tidak melihat apa-apa masalah bagi BN yang memerintah negeri ini untuk menerima SPDP dan sudah pasti akan menyampaikan permohonan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN di peringkat nasional," kata beliau kepada media selepas menerima permohonan daripada anggota jawatankuasa sementara SPDP untuk menyertai BN di sini.

Delegasi SPDP diketuai oleh presiden sementara parti baru itu, yang juga Menteri Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Sarawak Datuk William Mawan Ikom. Turut hadir ialah setiausaha agung parti itu, Dr Judson Tagal Sakai yang juga Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi.

Abdul Taib, yang juga Pengerusi BN negeri berkata beliau akan mengikut kata-kata Dr Mahathir bahawa parti pemerintah itu sedia menerima penyertaan SPDP jika ada permohonan.

"Ini juga untuk memastikan yang perkhidmatan empat anggota Parlimen dan lima Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada parti itu kepada rakyat berjalan lancar," kata beliau.

Abdul Taib juga menyeru SPDP untuk menjemput anggota Dewan Undangan Negeri Limbang Richard Wong menyertai SPDP.

Beliau berkata adalah penting bagi BN untuk mengekalkan perpaduan dan meneruskan pembangunan sosio-ekonomi di negeri itu.

Menjawab pertanyaan Abdul Taib mengenai kedudukan Wong, Mawan berkata SPDP telah menghantar isyarat jelas kepada Wong untuk menyertai parti itu dan permohonan beliau tidak akan didiskriminasi.

Mawan berkata Pendaftar Persatuan (ROS) hari ini telah memperakui jawatankuasa sementara SPDP. Pendaftaran parti itu telah diluluskan oleh ROS pada 8 Nov.

Pemimpin-pemimpin SPDP lain yang mengiringi Mawan untuk menyampaikan surat itu ialah timbalan presidennya Datuk Seri Peter Tinggom (Anggota Parlimen Seratok), naib presiden kanan pro tem Peter Nansian (ADUN bagi Tasik Biru), bendahari Datuk Seri Tiong King Sing (Anggota Parlimen bagi Bintulu), Dr Tiki Lafe (Anggota Parlimen bagi Mas Gading) dan Jacob Sagan (Anggota Parlimen Bagi Baram), naib presiden Sylvester Entri Muran (ADUN Marudi) dan Peter Nyarok (ADUN bagi Krian).

-- BERNAMA

MT FLL RM PR